



02 OCT, 2019

Manfaat buat 23,773

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

Manfaat buat 23,773

Oleh Nor Akmar
Samudin
akmar@media
prima.com.my

Program SIP Perkeso bayar RM65.1 juta kepada pekerja swasta hilang pekerjaan

Kuala Lumpur

Seramai 23,773 individu yang kehilangan pekerjaan mendapat manfaat daripada program Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) bulan lalu.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar berkata, Perkeso membayar RM65.1 juta kepada individu mengikut program itu sejak pelaksanaannya.

"Pekerja diberhentikan kerja oleh syarikat perlu mengemukakan laporan kepada agensi itu terlebih dahulu sebelum menjalani beberapa proses untuk dibantu.

"Program ini hanya diberikan kepada mereka yang diberhentikan kecuali mereka yang mempunyai

masalah disiplin, kontrak kerja ditamatkan atau dipecat.

"Pemohon boleh permohonan SIP menerusi permohonan dalam talian atau pergi ke mana-mana pejabat Perkeso untuk mendapatkan bantuan," katanya pada sambutan ulang tahun ke-48 Perkeso di ibu pejabatnya, semalam.

SIP dilaksanakan Januari tahun lalu sebagai jaring keselamatan sosial bertujuan membantu pekerja sektor swasta yang kehilangan pekerjaan untuk mendapatkan bantuan kewangan dan mencari pekerjaan baharu.

Mengikuti program SIP, majikan dan pekerja masing-masing menyumbang

0.2 peratus gaji bulanan pekerja.

Mahfuz berkata, RM3.7 bilion dibayar untuk pelbagai bayaran manfaat Perkeso sehingga tahun lalu, dan membelanjakan RM2 bilion sehingga Jun lalu.

Mengenai Skim Keselamatan Sosial Swasta, Mahfuz berkata, Perkeso akan memperluaskan sistem insurans berkenaan kepada 18 industri tidak formal termasuk pertanian, pembuatan, perikanan dan artis.

"Kami akan memberi bantuan kepada industri ini kerana mahu mereka mempunyai perlindungan lebih baik pada masa depan," katanya. Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Perkeso,

Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohamed.



Sebanyak RM3.7 bilion dibayar untuk pelbagai bayaran manfaat Perkeso tahun lalu dan RM2 bilion sehingga Jun lalu"

Mahfuz





02 OCT, 2019

Manfaat buat 23,773

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Program SIP Perkeso bayar RM65.1 juta kepada pekerja swasta hilang pekerjaan

Oleh Nor Akmar Samudin akmar@media prima.com.my Kuala Lumpur Seramai 23,773 individu yang kehilangan pekerjaan mendapat manfaat daripada program Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) bulan lalu. Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar berkata, Perkeso membayar RM65.1 juta kepada individu mengikut program itu sejak pelaksanaannya.